



## **PANDUAN PERMOHONAN PERMIT BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 2021**

Panduan ini adalah bagi penjaja / peniaga kecil / gerai makanan yang tidak berlesen untuk memohon permit yang dikekuarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

### **LANGKAH 1 : MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN**

Mulakan dengan memuat turun borang permohonan di laman web rasmi Majlis Perbandaran Sibu.

### **LANGKAH 2 : ISI BORANG PERMOHONAN**

Lengkapkan borang permohonan.

### **LANGKAH 3 : SEMAK BORANG PERMOHONAN**

Memastikan semua maklumat adalah **BENAR dan LENGKAP**. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

### **LANGKAH 4 : PENGESAHAN PERAKUAN**

Sila tandatangan di bahagian perakuan bagi mengesahkan semua maklumat adalah **BENAR dan LENGKAP**.

### **LANGKAH 5 : HANTAR BORANG PERMOHONAN**

Borang permohonan yang **LENGKAP** berserta **salinan dokumen yang diperlukan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat sebelum dimasukkan ke dalam peti yang disediakan di lobi Wisma Sanyan pada waktu bekerja sahaja (**Isnin – Jumaat**) dari jam **8.00 pagi - 5.00 petang**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Jun 2021**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

### **\*PERINGATAN**

1. Dokumen yang diperlukan :
  - Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan
  - Gambar gerai / tempat perniagaan (jika ada)
  - Gambar terkini pemohon
  - Gambar lesen komposit / permit (jika ada)
  - Dokumen sokongan yang lain (jika ada)
    - a) Surat pengesahan dari pemilik premis / pemilik Kedai Kopi (untuk gerai di dalam Kedai Kopi)
2. Penerima bantuan BKSS untuk penjaja/peniaga kecil/ gerai makanan tidak berlesen pada tahun 2020 tidak perlu mengemukakan permohonan lagi.
3. Permohonan boleh juga dibuat melalui online : (<https://community-service.sarawak.gov.my>)